

redaksi

Pengarang Kumpulan BH
Khaidir A Majid

Pengarang Eksekutif Kanan
Saidon Idris

Pengarang Berita Pendidikan:
Ridzuan Yop

Penolong Pengarang Berita Pendidikan:
Mohd Zin Mohd Ali

Penyunting Eksekutif:
Ili Ruzana Razali

Wartawan:
Nor Azma Laila
Nas Norziela Nasbah
Mohd Khairul Anam Md Khairuddin

Artis Eksekutif:
Mohd Hakim Ismail
Mohd Zainudin Ismail

Ilustrator:
Khairul Anuar Md Nor (Yon)

E-mel: bhvarsiti@bh.com.my

Pengiklanan
Tel: 1300226787

Berita Harian / Vertikal Pendidikan
Tel: 1300226787 samb 5108
Faks: 03-2056 7081

LANGGANAN
Jabatan Pengedaran dan Jualan
Akhbar NSTP 31, Jalan Riong,
59100 Kuala Lumpur
Emel: educationNSD@
mediaprima.com.my
Samb: 7755
Tel: 03-2724 8999



Pencapaian atlet dalam kalangan mahasiswa membanggakan negara.

Pusat sukan universiti bantu pembangunan atlet

➔ Melahirkan pelajar yang berkualiti, berdaya saing, tingkatan kemahiran insaniah melalui program sukan

Oleh Nas Norziela Nasbah
nasnorziela@bh.com.my

▀ Serdang

Memetik kata-kata Pesuruhjaya Sukan, Datuk Zaiton Othman pada Forum Akademi Sukan Universiti Putra Malaysia (UPM): Ke Arah Keseimbangan Ideal Sukan dan Akademik.

"Persatuan sukan turut memainkan peranan memberi sokongan dan semangat kepada atlet untuk terus cemerlang dalam sukan serta akademik," katanya.

Fungsi utama pusat sukan adalah untuk menyokong matlamat universiti bagi melahirkan pelajar yang berkualiti dan berdaya saing dengan meningkatkan kemahiran insaniah melalui program sukan.

Ketua Pusat Sukan UPM, Dr Hanafiah Ayub, berkata pusat sukan universiti

memainkan peranan penting dalam membantu atlet yang bergelar mahasiswa bagi memastikan pencapaian mereka seiring dengan kecemerlangan akademik.

Beliau berkata, sebagai universiti yang mempunyai jumlah atlet terbesar sedang melanjutkan pengajian di UPM, peranan pusat sukan bukan sahaja mengelola kejohanan pelbagai peringkat termasuk kebangsaan dan antarabangsa.

"Pusat sukan juga berfungsi memastikan kemenjadian seseorang atlet yang



Dr Hanafiah Ayub

dapat mengimbangi prestasi mereka dalam akademik dan sukan.

"Pusat sukan bukan sahaja mengendalikan kejohanan atau pertandingan untuk atlet sebaliknya merancang dan melaksanakan pelbagai program pembangunan sukan," katanya ketika ditemui di Pusat Sukan UPM, di sini, baru-baru ini.

Nilai tambah

Dr Hanafiah berkata, selain menjalankan urusan pentadbiran dan kewangan dengan cekap serta berke-

san, pihaknya juga mengambil inisiatif meningkatkan nilai tambah kepada atlet.

"Peranan Pusat Sukan UPM bukan sahaja melihat kepada pembangunan atau peningkatan prestasi atlet sebaliknya menyediakan program bermanfaat yang boleh diguna pakai sebagai sahaja mereka bersara sebagai atlet.

"Mengambil contoh inisiatif penganjuran kursus jurulatih yang dilaksanakan membabitkan atlet negara yang mengikuti pengajian di UPM ketika ini.

"Sekurang-kurangnya mereka sudah mempunyai sijil kejurulatihan yang diiktiraf membolehkan satu hari nanti mereka layak untuk melatih atlet dalam kalangan generasi muda," katanya.

Selain mengurus tadbir dan menyediakan kemudahan serta peralatan sukan lengkap kepada atlet, Dr Hanafiah berkata, pihaknya turut melaksanakan konsep satu sukan seorang Pengerusi Teknik Pembangunan Sukan (PTPS).

"Fungsi PTPS adalah memastikan atlet dalam sukan yang dipertanggungjawabkan mendapat manfaat dengan cemerlang dalam bidang sukan dan akademik.

"Mereka (atlet) bebas untuk berbincang bersama-sama PTPS masing-masing dan kami akan cuba membantu sedaya upaya, termasuklah nasihat berkaitan jadual latihan dan kuliah," katanya.



Kursus kejurulatihan untuk atlet olahraga menjadi satu daripada inisiatif Pusat Sukan UPM dalam penyediaan atlet olahraga mempunyai sijil itu selepas bersara kelak.

E-mel atau surat ke alamat:
bhvarsiti@bh.com.my atau
Balai Berita,
31, Jalan Riong, 59100,
Kuala Lumpur

www.bhpendidikan.com.my

bhpendidikan

bhpendidikan